

Bil. S 22

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(PINDAAN), 2021

SUSUNAN PERKARA-PERKARA

Perkara

1. Gelaran dan permulaan kuat kuasa
 2. Pindaan Perkara 2 dari Perlembagaan I
 3. Pindaan Perkara 5
 4. Pindaan Perkara 6
 5. Pindaan Perkara 7
 6. Pindaan Perkara 8
 7. Pindaan Perkara 84
 8. Pindaan Perkara 84B
 9. Pindaan Perkara 85
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(PINDAAN), 2021

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuat kuasa

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Perlembagaan Negara Brunei Darussalam (Pindaan), 2021 dan hendaklah mula berjalan kuat kuasanya pada tarikh Perintah ini dibuat.

Pindaan Perkara 2 dari Perlembagaan I

2. Perkara 2 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, dalam Perintah ini disebut sebagai Perlembagaan itu, adalah dipinda —

(a) dengan memotong takrifan “Timbalan Sultan dan Yang Di-Pertuan” dan menggantikannya dengan takrifan baru yang berikut —

“ “Timbalan Sultan” bermakna orang yang dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan di bawah bab 17 dari Pemasyhuran Mengangkat Raja dan Melantik Pemangku Raja, 1959;”;

(b) dengan memotong takrifan “ “Kebawah Duli Yang Maha Mulia” atau “Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan” ” dan menggantikannya dengan takrifan baru yang berikut —

“ “Kebawah Duli Yang Maha Mulia” atau “Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan” bermakna —

(a) Sultan yang baharu dimasyhurkan telah menaiki takhta Kerajaan sama ada atau tidak Baginda telah dipuspakan atau ditabalkan sebagai Sultan dan Yang Di-Pertuan, tidak kira sama ada suatu perisytiharan telah dibuat dan disahkan di bawah bab 12 dari Pemasyhuran Mengangkat Raja dan Melantik Pemangku Raja, 1959 bahawa oleh kerana kelemahan akal fikiran atau tubuh badan Baginda tidak berdaya pada masa itu untuk menjalankan tugas-tugas Negara;

(b) Pengganti Baginda yang sah yang disenaraikan dalam, disebut atau dicadangkan oleh cerai-ceraian (2), (3) dan (4) bab 3 dari Pemasyhuran Mengangkat Raja dan Melantik Pemangku Raja, 1959 atau Pemangku Raja atau Jemaah Pemangku Raja yang dilantik menurut atau di bawah bab 11, 12, 13 atau

17 dari Pemasyhuran Mengangkat Raja dan Melantik Pemangku Raja, 1959 yang pada masa itu menjalankan tugas-tugas Negara, berkenaan dengan apa-apa perbuatan yang diizinkan atau dibenarkan; dan

(c) setakat mana seseorang Timbalan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan itu diizinkan atau dibenarkan untuk menjalankan tanggungjawab oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, Timbalan itu berkenaan dengan perbuatan yang diizinkan atau dibenarkan itu;";

(c) dengan memasukkan sejurus selepas takrifan "hak-hak pencen" takrifan baru yang berikut —

" "orang dari keturunan darah Sultan-Sultan Negara Brunei Darussalam" bermakna orang dari keturunan yang sah Al-Marhum Sultan Mohamed Jamalul-alam atau, jika keturunan sebelah lelaki tiada, maka bermakna keturunan yang sah sebelah lelaki dari nenda Sultan yang memerintah pada masa itu atau, jika Sultan yang memerintah pada masa itu tiada, maka bermakna keturunan yang sah sebelah lelaki dari nenda Sultan yang baru lepas memerintah;";

(d) dengan memasukkan sejurus selepas takrifan "Peraturan-Peraturan Mesyuarat" takrifan baru yang berikut —

" "tugas-tugas Negara" bermakna kuasa, autoriti dan keistimewaan yang terletak dalam tangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan menurut Perlembagaan ini, menurut sebarang undang-undang bertulis yang lain atau berdasarkan hak kedaulatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan;";

Pindaan Perkara 5

3. Perkara 5 dari Perlembagaan itu adalah dipinda, dalam Fasal (2)(a), dengan memotong "dan Yang Di-Pertuan".

Pindaan Perkara 6

4. Perkara 6 dari Perlembagaan itu adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas Fasal (1) Fasal baru yang berikut —

"(1A) Kecuali Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, Pengganti yang sah yang diisytiharkan di bawah ceraiian (2) bab 3 dari Pemasyhuran Mengangkat Raja dan Melantik Pemangku Raja, 1959, Timbalan Sultan dan Pemangku Raja, mana-mana Ahli Majlis Mesyuarat Di-Raja yang merupakan orang dari keturunan darah Sultan-Sultan Negara Brunei Darussalam tidak boleh hadir atau dengan apa jua cara mengambil bahagian dalam mana-mana mesyuarat atau sebahagian dari mesyuarat itu mengenai apa-apa isu atau perkara yang

melibatkan, berbangkit dari, berkenaan dengan, atau berhubung dengan, mengangkat raja atau mengenai peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis atau adat istiadat yang berkaitan dengan mengangkat raja termasuk, tetapi tidak terhad kepada, apa-apa perkara yang berkaitan dengan penerimaan perisytiharan yang disebut dalam cerai (1) bab 12 dari Pemasalahan Mengangkat Raja dan Melantik Pemangku Raja, 1959, dan lantikan Jemaah Pemangku Raja di bawah Pemasalahan Mengangkat Raja dan Melantik Pemangku Raja, 1959.”.

Pindaan Perkara 7

5. Perkara 7 dari Perlembagaan itu adalah dipinda dengan memotong Fasal (1) dan menggantikannya dengan Fasal baru yang berikut —

“(1) Majlis Mesyuarat Di-Raja tidak boleh dipanggil bermesyuarat kecuali dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan atau, jika Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan tidak berada di Negara Brunei Darussalam, Pengganti yang sah yang diisytiharkan di bawah cerai (2) bab 3 dari Pemasalahan Mengangkat Raja dan Melantik Pemangku Raja, 1959 jika dia berada di Negara Brunei Darussalam, atau semasa ketiadaannya, jika Jemaah Pemangku Raja telah dilantik, oleh Pemangku Raja laki-laki yang kanan.”.

Pindaan Perkara 8

6. Perkara 8 dari Perlembagaan itu adalah dipinda dengan memotong Fasal (2) dan menggantikannya dengan Fasal baru yang berikut —

“(2) Jika Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan tidak hadir, maka orang yang akan menguruskan mesyuarat itu hendaklah mengikut susunan keutamaan yang berikut —

(a) Pengganti yang sah yang diisytiharkan di bawah cerai (2) bab 3 dari Pemasalahan Mengangkat Raja dan Melantik Pemangku Raja, 1959 jika dia berada di Negara Brunei Darussalam;

(b) jika lantikan telah dibuat, Timbalan Sultan;

(c) jika Pengganti yang sah yang diisytiharkan di bawah cerai (2) bab 3 dari Pemasalahan Mengangkat Raja dan Melantik Pemangku Raja, 1959 tidak hadir dan Timbalan Sultan tiada dilantik dan Jemaah Pemangku Raja telah dilantik, Pemangku Raja laki-laki yang kanan yang hadir;

(d) jika Pengganti yang sah yang diisytiharkan di bawah cerai (2) bab 3 dari Pemasalahan Mengangkat Raja dan Melantik Pemangku Raja, 1959 tidak hadir, Timbalan Sultan tiada dilantik dan Jemaah Pemangku Raja tiada dilantik, Ahli Majlis Mesyuarat Di-Raja yang dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan; dan

(e) dalam sebarang hal lain, Ahli Rasmi Kerana Jawatan Majlis Mesyuarat Di-Raja yang hadir yang terdahulu dalam susunan jawatan pegawai-pegawai yang disebut dalam perenggan (c) Fasal (2) Perkara 5.”.

Pindaan Perkara 84

7. Perkara 84 dari Perlembagaan itu adalah dipinda —

(a) dalam Fasal (2), dengan memasukkan “mutlak, keistimewaan-keistimewaan, kekebalan-kekebalan, hak-hak dan kuasa-kuasa lain” sejurus selepas “hak” dalam baris kedua;

(b) dengan menambah Fasal baru yang berikut —

“(3) Bagi mengelakkan kewahaman, semua hak mutlak, keistimewaan, kekebalan, hak dan kuasa lain dan kuasa kedaulatan yang dimiliki, dijalankan dan dinikmati oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, sama ada di bawah Perlembagaan ini, Pemasyhuran Mengangkat Raja dan Melantik Pemangku Raja, 1959 atau undang-undang Negara Brunei Darussalam (undang-undang bertulis atau pun selainnya), sebelum permulaan kuat kuasa Perintah Perlembagaan Negara Brunei Darussalam (Pindaan), 2021 dan Pemasyhuran Mengangkat Raja dan Melantik Pemangku Raja (Pindaan), 2021 kekal tidak terjejas dan hendaklah terus berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya.”.

Pindaan Perkara 84B

8. Perkara 84B dari Perlembagaan itu adalah dipinda dengan memotong Fasal (1) dan menggantikannya dengan Fasal baru yang berikut —

“(1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan tidak boleh diganggu dan tidak boleh dibicarakan di dalam mana-mana mahkamah berkaitan dengan apa-apa jua yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan oleh Baginda dalam masa atau selepas pemerintahan Baginda sama ada atas sifat peribadi atau rasmi Baginda. Kekebalan ini adalah mutlak dan tidak boleh diketepikan.”.

Pindaan Perkara 85

9. Perkara 85 dari Perlembagaan itu adalah dipinda —

(a) dengan memotong Fasal (3);

(b) dengan memotong Fasal (4);

(c) dengan memotong Fasal (5).

Diperbuat pada hari ini 26 haribulan Muharram, Tahun Hijrah 1443 bersamaan dengan 4 haribulan September, 2021 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**